



05 FEB, 2025

85 peratus terkecuali

Harian Metro, Malaysia



Oleh Zanariah
Abd Mutualib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, kadar kenaikan tarif elektrik hanya akan membabitkan industri yang akan berlaku mengikut kaedah Ketidaksimbangan Pelepasan Kos Bahan Api (ICPT) mulai Ju-lai depan.

Menjawab soalan tambahan **Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal (PN-Machang)** yang mendakwa kerajaan bertindak secara *flip flop* dalam isu kenaikan tarif elektrik, Perdana Menteri berkata, beliau menyatakan perkara itu dengan jelas, yang kadar kenaikan itu tidak akan membabitkan 85 peratus rakyat.

Katanya, kadar kenaikan yang dinyatakan beliau dalam satu majlis semalam adalah maklum balas kepada ucapan Presiden Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM), Datuk Ng Yih Pyng berhubung kenaikan tarif kepada industri.

“Saya beri maklum balas kepada permohonan beliau. Faham tak? Bukan kepada negara, bukan kepada rakyat.

KENAIKAN TARIF ELEKTRIK

85 peratus terkecuali

“Saya kata, kenaikan itu pun tidak sampai 14 peratus seperti diumumkan, maknanya saya respons kepada industri kerana kenaikan tarif ini kepada industri dan golongan maha kaya. Kita pertahankan ini, apa dia?

“Kalau tidak cukai pada orang kaya, nak tambah peruntukan untuk sekolah, hospital, dari mana wangnya?

“Jadi kita kena terima kenyataan, kenaikan tarif yang munasabah bagi industri dan golongan kaya dan saya kata, kita tidak tolak ansur dan terpaksa naikkan tetapi tidak membabitkan 85 peratus rakyat.

“Dengar betul-betul. Ini dengar dengan sentimen marah. Ini penyakit marah, bukan penyakit fakta ekonomi,” katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Wan Ahmad Fayhsal sebelum itu mempersoalkan tindakan kerajaan, yang didakwa bersikap *flip flop* da-

lam isu kenaikan tarif elektrik, yang didakwa boleh membawa ketidakayakinan kepada pasaran.

Kelmarin, Perdana Menteri memberi jaminan bahawa sebarang kenaikan tarif elektrik pada separuh kedua tahun ini, tidak akan membebankan atau merugikan komuniti perniagan.

Pejabat Perdana Menteri, dalam satu kenyataan berkata, Perdana Menteri turut menegaskan bahawa isi rumah berpendapatan rendah akan terus tidak terjejas oleh semakan tarif berkenaan.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, pertumbuhan ekonomi negara ketika ini jauh meningkat dan meyakinkan, berbanding ketika Perikatan Nasional (PN) memerintah.

“Ikat fakta dan data, ekonomi bukan wayang. Faktanya ringgit masih mengukuh walaupun keadaan geopolitik tidak menentu dan tarif dikenakan kepada negara lain,” katanya.